

Patuhi tiga langkah keselamatan

Kerajaan Perak arah pasar raya bertindak segera elak kejadian terperangkap dalam lif berulang

NORMAWATI ADNAN

IPOH - Kerajaan negeri mengarahkan sebuah pasar raya di sini mematuhi tiga langkah keselamatan serta merta bagi memastikan kes pengunjung terperangkap dalam lif tidak berulang.

Exco Kerajaan Negeri, Datuk Samsudin Abu Hassan berkata, tiga langkah berkenaan adalah meletakkan seorang kakitangan khusus untuk memantau operasi lif, memasang kamera litar tertutup (CCTV) di dalam lif serta menyediakan kemudahan interkom.

Menurutnya, tiga pendekatan itu diputuskan melalui perbincangan bersama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berikutan kejadian



Samsudin (depan) melihat kemudahan lif yang dilaporkan rosak menyebabkan 10 pengunjung terperangkap, Sabtu lepas.

kedua yang dilaporkan, 29 Julai lalu.

"Tiga langkah ini bukan satu ketetapan yang mesti dibuat, namun memandangkan telah dua kali

ISU TERPERANGKAP DALAM LIF

kejadian ada mangsa terperangkap dalam lif, maka kita putuskan supaya pasar raya ini mengambil pendekatan serta merta.

"Kita harap dengan tiga langkah keselamatan ini dapat mengelak kejadian sama terus berulang atau menyebabkan risiko lebih besar berlaku," katanya pada sidang media selepas mem-

INFO ● Meletakkan seorang kakitangan pantau operasi lif

● Pasang CCTV dalam lif

● Menyediakan kemudahan interkom

dak bermaya.

Samsudin berkata, daripada pemeriksaan dilakukan, kejadian Sabtu lalu adalah disebabkan gangguan elektrik menyebabkan lif tidak dapat berfungsi dengan baik dan bukan disebabkan kepincangan daripada aspek penyelenggaraan.

Katanya, selepas kejadian pertama 30 Jun lalu, pihak pengurusan pasar raya yang telah masuk tahun keenam operasi itu telah melakukan kerja penyelenggaraan dengan baik di semua empat perkhidmatan lif disediakan.

"Setakat ini kita berpuas hati dengan komitmen pengurusan, namun selepas ditambah baik, kita minta mereka dapatkan pengesahan keselamatan dan kebenaran JKKP bahawa lif ini selamat digunakan," katanya.

buat-lawatan kerja ke pasar raya terbabit, semalam.

Sabtu lepas, seramai 10 pengunjung, enam daripadanya wanita dilaporkan terperangkap selama 15 minit dalam lif di pasar raya itu.

Sebelum ini, pasangan warga emas masing-masing berusia 71 dan 74 tahun terperangkap lebih 24 jam dalam lif di pusat membeli belah yang sama sebelum ditemui dalam keadaan letih dan ti-